

20 MAR 2002

Mahathir-Dialog/I

ASIA TIMUR BELUM SEDIA UNTUK ZON PERDAGANGAN BEBAS, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Majid

BERLIN, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpendapat Asia Timur belum bersedia untuk mewujudkan satu zon perdagangan bebas membabitkan Asean serta China, Jepun dan Korea Selatan.

Ini kerana terdapat jurang antara negara-negara di Asia Timur termasuk daripada segi prestasi ekonomi, kata Perdana Menteri sambil memberi contoh bahawa Jepun adalah ekonomi kedua terbesar dunia sedangkan negara-negara Asean seperti Laos dan Myanmar mempunyai pendapatan per kapita yang kecil.

"Saya berpendapat kami belum bersedia. Kami bukannya seperti Eropah yang mempunyai ekonomi setara," katanya ketika menjawab soalan pada satu majlis dialog dengan anggota-anggota Gabungan Persatuan Industri dan Perniagaan Asia Pasifik Jerman di sini.

Dr Mahathir berkata pengalaman Eropah (Kesatuan Eropah) perlu diperhatikan dengan teliti.

"Jika anda kecundang, maka tidak akan ada satu zon perdagangan bebas. Jika anda berjaya, kami ingin belajar bagaimana anda melakukannya supaya kami boleh menerima pakai (konsep ini) secara berperingkat," katanya.

Perdana Menteri berkata ini kerana sebarang perubahan mendadak walaupun ke arah lebih baik, akan mendatangkan kerosakan kepada mana-mana negara.

"Dalam kes Asia Timur, kami akan bergerak dengan amat berhati-hati," katanya.

Pada dialog itu, Dr Mahathir telah ditanya mengenai pelbagai topik seperti globalisasi, dasar pendidikan di Malaysia, langkah luar biasa Malaysia menangani krisis mata dan ekonomi pada 1997 dan saingan dari China.

Mengenai globalisasi, beliau berkata masih terdapat ruang untuk perbincangan antara negara-negara maju dan kurang maju.

"Kenapa tak boleh berikan kami sedikit hak dalam struktur globalisasi selain daripada hanya cuba memaksa pendapat pihak lain terhadap kami dan mengharap kami sebagai negara-negara miskin menerimanya sedangkan negara-negara kaya tidak mahu menerima apa yang dikatakan oleh negara-negara miskin," katanya.

Perdana Menteri berkata bentuk lain globalisasi masih boleh dilaksanakan, seperti yang tidak memberi tumpuan semata-mata mengenai pergerakan modal.

Ketika ditanya mengenai langkah-langkah Malaysia memulihkan ekonominya akibat krisis kewangan itu, Dr Mahathir berkata ramai berpendapat Malaysia pulih semata-mata disebabkan oleh penetapan kadar tukaran asing.

Sebenarnya, kata beliau, faktor-faktor lain turut terlibat seperti tugas yang dijalankan oleh pasukan pengurusan krisis yang mencadangkan pelbagai cara untuk mana-mana sektor ekonomi yang kurang baik ketika itu.

Pelbagai ramalan dibuat sehingga ada yang mengandaikan ekonomi Malaysia akan ranap apabila Malaysia membuat keputusan menetapkan nilai ringgit pada satu paras berbanding dollar Amerika Syarikat.

Namun, Malaysia terus bertahan sehingga ada yang kini berlumba-lumba untuk memberi pinjaman kepadanya, kata Perdana Menteri.

"Dan apabila kami mengadakan terbitan bon baru-baru ini, ia telah terlebih langganan tiga setengah kali. Antara pelanggannya, terdapat mereka yang mengutuk Malaysia kerana menetapkan kadar tukaran asing itu," kata Dr Mahathir sambil diberi tepukan gemuruh.

Mengenai China, Dr Mahathir berkata hakikat tentang kewujudan China yang mempunyai penduduk sebanyak 1.3 bilion orang, harus diterima.

"Memanglah, ia menjadi saingan kepada kita. Tetapi mereka juga

merupakan satu pasaran menarik bagi kita.

"Soalnya ialah bagaimana kita dapat ikut serta. Kita perlu fikirkan apa yang kita boleh lakukan yang China tidak dapat buat," katanya.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata kerajaan sedang mengambil setiap langkah yang perlu bagi memastikan Malaysia mempunyai cukup tenaga berkeelayakan bagi menyokong wawasannya menjadi sebuah kawasan tumpuan multimedia dengan mempunyai rakyat yang didorong oleh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sains dan teknologi.

Terdapat unjuran bahawa menjelang 2005, Malaysia akan mempunyai 12,000 tenaga kerja berkeelayakan dalam ICT.

-- BERNAMA

MAM AHH MAI